



SIARAN MEDIA

PROGRAM KASIHNITA LONJAK POTENSI IBU TUNGGAL

KUALA LUMPUR, 15 JULAI: YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini merasmikan Program Kasih Ibu Tunggal (KasihniTa) yang memberi pendedahan kepada ibu tunggal untuk menimba ilmu dengan bantuan pakar perundangan, pengurusan kewangan dan pembangunan potensi.

Program ini bermatlamat melahirkan ibu tunggal yang berdikari, berdaya saing dan mampu keluar daripada pelbagai masalah yang dihadapi. Usaha meningkatkan potensi ibu tunggal ini sejajar dengan matlamat dan kerangka Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) 2025-2030 dalam mendaya upaya serta memperkasa golongan wanita.

“Kita mahu semua wanita faham berkenaan hak dan kemampuan mereka untuk melindungi diri daripada segala bentuk keganasan termasuk keganasan rumah tangga, seksual, ancaman, pembulian dan diskriminasi serta membina potensi wanita untuk bangkit berdikari selepas krisis, kata YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapannya.

Menurutnya lagi, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan program ini dengan penekanan kepada tiga aspek utama iaitu modul kemahiran perundangan, modul pengurusan kewangan dan modul pembangunan potensi untuk menjadi pilihan solusi yang praktikal kepada ibu tunggal.

Program ini mula dilaksanakan secara rintis pada tahun 2023 di sekitar Lembah Klang dengan penglibatan seramai 300 orang peserta dan diteruskan secara berfokus kepada 300 ibu tunggal di Sarawak pada tahun 2024. Menerusi Belanjawan 2025, program ini telah mendapat peruntukan sebanyak

RM1.6 juta dan menyasarkan penglibatan seramai 1,500 orang ibu tunggal meliputi enam zon di seluruh negara.

Program KasihniTa tahun 2025 akan bermula pada Ogos sehingga Disember dan mendapat kerjasama tenaga pakar berpengalaman daripada Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Pakar Psikologi Jiwa Damai. Permohonan pendaftaran bagi program ini telahpun dibuka pada pertengahan Mei lalu sehingga akhir bulan Julai.

Turut hadir YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Pengarah JPW, YBrs Puan Hanani Sapit dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 JULAI 2025**